

ERA BARU

DATE: 29/06/2007



Malaysiaku Gemilang

Tunku Sanggup Dipenjara Untuk Capai Kemerdekaan Tanah Air

Oleh: **PEMBERITA LUAR**

Era Baru - 29/6/2007

BARANG kali ramai yang tidak mengetahui bahawa Yang di Pertua UMNO sebelum negara dan orang Melayu bernekad untuk melepaskan Persekutuan Tanah Melayu dari genggaman pihak British, Tunku Abdul Rahman Putra yang mengambil alih pucuk pimpinan UMNO dari pengasas parti itu, Dato' Onn bin Jaafar pada tahun 1955. Tunku sanggup di penjara dalam perjuangannya untuk memerdekakan Tanah Melayu setelah orang Melayu menentang sekeras-kerasnya usaha Kerajaan British untuk mewujudkan konsep *Malayan Union*.

Sebelum itu Tunku telah melihat bagaimana negara-negara seperti India, Indonesia dan beberapa negara lain yang terpaksa berjuang habis-habisan untuk mencapai kemerdekaan dan ada yang bermandikan darah dan berhadapan dengan pelbagai risiko dan ancaman.

Yang malangnya bagi negara kita, hanya orang-orang Melayu sahaja yang sanggup berjuang bersungguh-sungguh dan bersatu padu dan sanggup melepaskan barang-barang kemas dibadan untuk membantu Tunku dan rombongannya ke luar negara untuk berbincang dengan Kerajaan British untuk mencapai kemerdekaan tanah air.

Begitulah perjuangan Tunku untuk memastikan Tanah Melayu tidak terus dijajah oleh bangsa asing dan seterusnya memberi peluang kepada orang Melayu untuk memajukan diri mereka dengan memasuki bidang perniagaan dan sebagainya.

